



**SK Catholic English (M) Kuching
Pentaksiran Sumatif 2021
Pendidikan Moral
Tahun 4**

*PdPR Minggu 40
Selasa 23^{hb} November 2021*

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

1. Jiran yang berpegang teguh kepada ajaran agama dan kepercayaan dapat melahirkan hubungan jiran yang _____.

- | | |
|----------|----------------------------------|
| A | bersatu padu |
| B | berpecah belah |
| C | mementingkan kepercayaan sendiri |

2. Kita patut _____ dengan amalan keagamaan dan kepercayaan sesama jiran.

- | | |
|----------|----------------|
| A | membenci |
| B | bertolak ansur |
| C | menolak |

3. Memahami dan menghormati upacara keagamaan dan kepercayaan di kawasan kejiranan dapat mengelakkan _____ sesama sendiri.

- | | |
|----------|---------------|
| A | persengketaan |
| B | kebosanan |
| C | kemarahan |

4. Prinsip manakah yang menunjukkan amalan beragama selaras dengan prinsip Rukun Negara?

- | | |
|----------|----------------------------------|
| A | Kepercayaan kepada Tuhan |
| B | Kesetiaan kepada Raja dan Negara |
| C | Kedaulatan undang-undang |

5. Yang manakah antara yang berikut menerangkan tentang sikap baik hati dan prihatin terhadap jiran.

- | | |
|----------|---|
| A | Membantu jiran yang baru berpindah mengangkat perabot. |
| B | Membiarkan anak jiran kelaparan. |
| C | Membiarkan nenek jiran membawa bakul yang berat seorang diri. |

6. Pernyataan manakah yang tidak menunjukkan kamu menghayati kepentingan menghormati agama dan kepercayaan jiran?

- | | |
|----------|---|
| A | Berasa tenang apabila ada penganut agama lain menghormati agama dan kepercayaan jiran. |
| B | Berasa puas hati apabila jiran saling bertolak ansur dengan amalan dan kepercayaan agama masing-masing. |
| C | Berasa tidak seronok apabila melihat jiran yang berlainan agama hadir ke majlis perayaan kamu. |

7. Kamu ternampak anak jiran terjatuh dari buaian di taman. Kamu patut...

- | | |
|----------|-----------------------------|
| A | mentertawakannya. |
| B | buat tidak tahu sahaja. |
| C | segera membantu anak jiran. |

8. Apakah yang patut kamu lakukan apabila ternampak dua orang pencuri ingin memasuki rumah jiran?

- | | |
|----------|----------------------------------|
| A | Segera menelefon polis. |
| B | Takut dan hanya mendiamkan diri. |
| C | Menelefon rakan baik. |

9. Pengabaian sikap _____ terhadap jiran menyebabkan kawasan kejiranan tidak harmoni.

A mengambil tahu

B berterima kasih

C beramah mesra

10. Amalan beradab sopan sesama jiran dapat melahirkan komuniti jiran yang...

A harmoni.

B berprasangka buruk.

C mementingkan diri sendiri.

11. Apakah kepentingan amalan adil dalam kehidupan berjiran?

A Dapat membuat keputusan yang berat sebelah.

B Memberikan kepuasan hati kepada semua pihak.

C Melahirkan jiran yang selalu terasa hati.

12. Jiran yang sentiasa membuat keputusan secara adil dan terancang adalah jiran yang...

A peka dengan keadaan di sekelilingnya.

B mementingkan diri sendiri.

C bertindak secara melulu.

13. Encik Hazami sering menghulurkan bantuan kepada jiran yang rapat dengannya sahaja dan tidak mempedulikan jiran yang kurang dikenalnya. Encik Hazami patut...	
A	memberikan bantuan yang sama rata kepada semua jiran.
B	membiarkan sahaja jiran tersebut.
C	menyisihkan mereka.

14. Apakah yang akan berlaku jika sikap adil sesama jiran terus diamalkan?	
A	Hubungan kejiiran renggang.
B	Berlaku perselisihan faham.
C	Hidup bersatu padu.

15. Kamu berpendapat program yang dicadangkan oleh jiran kamu tidak sesuai untuk diadakan. Apakah tindakan kamu?	
A	Memberanikan diri untuk memberi pendapat.
B	Tidak bertegur sapa dengan jiran.
C	Memulaukan program tersebut.

16. Saya berazam untuk menjadi seorang jiran yang baik dan _____.	
A	kaya
B	rajin
C	peramah

17. Saya dan jiran akan bersama-sama dan bergotong-royong memperbaiki atap rumah jiran yang bocor. Sikap ini berkait rapat dengan amalan _____.	
A	kesederhanaan
B	bertolak ansur
C	bekerjasama

18. Pilih perlakuan yang menunjukkan amalan kesederhanaan sesama jiran.	
A	Mengejek dan bertutur tidak sopan terhadap jiran.
B	Berpakaian kemas dan makan dengan sopan ketika menghadiri majlis makan malam anjuran kejiranan.
C	Bermain buaian terlalu lama di taman permainan dan membiarkan adik jiran menangis.

19. Kami _____ mengecat pagar dewan Rukun Tetangga sehingga siap.	
A	gigih
B	jemu
C	letih

20. Saya dan adik tidak berbuat bising ketika bermain kerana tahu adik jiran sedang tidur. Kami berasa gembira kerana dapat mengamalkan sikap _____.	
A	jujur
B	toleransi
C	kerjasama